


KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 JUN 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1 & 3

PM umum langkah atasi kejatuhan ringgit, saham hari ini



PM umum langkah atasi kejatuhan ringgit, saham hari ini

Oleh Suzalina Halid dan Mary Victoria Dass
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Datuk Seri Anwar Ibrahim dijangka membuat beberapa pengumuman penting hari ini berkaitan dasar dan langkah diambil kerajaan untuk menangani pelbagai isu ekonomi semasa, termasuk kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham.

Timbalan Menteri Kewangan 1,

Datuk Seri Ahmad Maslan, berita pengumuman berkenaan akan dibuat ketika lawatan Perdana Menteri ke Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, tengah hari ini.

"Pada jam 12 tengah hari esok (hari ini), Perdana Menteri yang akan melawat Suruhanjaya Sekuriti, dijangka akan umumkan berkaitan isu berkaitan ekonomi.

Kerajaan Perpaduan lulus peruntukan segera RM500 juta atas masalah bekalan air di Kelantan

Nasional 4

Scanned with CamScanner

Pulih ekonomi perlu pendekatan berbeza, berani

Dari Muka I

"Biarlah perkara dasar seperti itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri umumkan," katanya ketika diminta mengulas apakah langkah diambil kerajaan untuk mengelak kejatuhuan nilai ringgit dan pasaran saham.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan lawatan ke Wisma Bank Simpanan Nasional (BSN) Johor di Jalan Abdulrahman Ibrahim di sini, semalam.

Pasaran saham mengalami penurunan ketara dalam tempoh sebulan ini apabila indeks utama, FBM KLCI jatuh lebih 40 mata daripada paras sekirar 1,433 pertengahan Mei lalu kepada 1,388 apata ketika dagangan berakhir pada Jumaat lalu.

Ringgit pula lemah dalam tempoh sebulan kebelakangan ini apabila jatuh daripada paras kira-kira RM4.53 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) pada pertengahan Mei kepada RM4.61 akhir minggu lalu.

Prestasi hambar pasaran saham dan mata wang tempatan itu dikaitkan dengan perkembangan tidak mementu pada peringkat antarabangsa, terutama membabitkan isu kadar faedah di AS serta kebimbangan terhadap pertumbuhan ekonomi dunia yang lebih perlahan pada tahun ini.

Jumaat lalu, Perdana Menteri mengadakan perbincangan khas mengenai hala tuju ekonomi negara yang turut dihadiri bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani; bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin; Pengarah Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia (Minda-UKM), Prof Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali dan ahli ekonomi, Dr Nungsari Ahmad Radhi.

Anwar berkata, perbincangan terkait hala tuju ekonomi negara itu sebahagian usaha berterusan kerajaan untuk mendapatkan buah fikiran dan pandangan mengenai ekonomi daripada segmen lapisan masyarakat.

Fokus perbincangan

Sementara itu, Nungsari yang yang dilhubungi BH semalam, berkata Anwar mengakui kerajaan kesuntukan masa untuk melakukan reformasi ekonomi dan memerlukan keberanian, disiplin serta kesabaran untuk membuat keputusan demi kepentingan rakyat.

Beliau berkata, antara fokus perbincangan Jumaat lalu adalah berkaitan usaha perlu diamalkan kerajaan untuk meningkatkan eksport, memberi keyakinan kepada pelabur sekali gus meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

"Ekonomi negara kini berdepan pelbagai cabaran daripada kedudukan kewangan kerajaan yang meruncing kepada membentuk daya saing untuk mencari sumber pertumbuhan ekonomi yang baru."

"Ia memerlukan tindakan berani dan pendekatan yang berbeza. Saya juga berpendangan perlu ada penyelesaian isu pendapatan yang rendah dan tidak seimbang."

"Kita memerlukan keyakinan pelabur untuk melabur serta sumber manusia yang berdaya saing supaya kita menjadi destinasi yang menarik berbanding saingan daripada Indonesia, Thailand dan Vietnam di rantau ini," katanya.

Nungsari berkata, isu berkaitan penurunan nilai ringgit tidak dibincangkan dalam sesi itu kerana ia di bawah bidang kuasa Bank Negara Malaysia (BNM).

Beliau menyifatkan perbincangan dipengerusikan Perdana Menteri itu bersifat inklusif, merangkumi pembabitan pelbagai pihak dan menyentuh banyak perkara berkaitan ekonomi.

"Pembabitan pelbagai pihak dalam penggubalan dasar seperti itu adalah baik. Perdana Menteri sudah mempunyai Kabinet dan jentera awam untuk memberi input dan menggubal dasar."

"Beliau cuma meluaskan lagi sumber input yang mana ia adalah satu kaedah yang inklusif," katanya.